

**D.R. 35/91**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 37 Akta Syarikat 1965 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "company" di perenggan (c) subseksyen (2) dengan perkataan "corporation". Pindaan seksyen 37. Akta 125

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Syarikat 1965.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 37 (2) (c) dengan menggantikan perkataan "company" dengan perkataan "corporation" untuk memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat menimbang dan meluluskan skim saham pekerja yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tempatan dan juga asing bagi pekerja-pekerjanya di Malaysia tanpa dikehendaki mengeluarkan dan mendaftar apa-apa prospektus dengan Pendaftar.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1664.]